

Usaha atasi jenayah perlu pendekatan lebih komprehensif



PENINGKATAN kadar jenayah memberi gambaran buruk terhadap imej sesebuah negara. Ia bukan saja menimbulkan keresahan kepada rakyat, malah menjejaskan kemasukan pelabur atau pelancong asing. Langkah kerajaan meletakkan sasaran pengurangan 20 peratus jenayah jalanan menjelang 2010, adalah satu permulaan yang baik. Ini adalah keputusan dan sasaran yang objektif kerana kegiatan jenayah bukanlah sesuatu yang mudah diselesaikan. Ia adalah penyakit sosial di seluruh dunia yang sukar dihapuskan. Ia hanya boleh dikurangkan peringkat demi peringkat. Di Malaysia, jenayah jalanan bukan isu baru. Laporan Suruhanjaya Diraja Penambahbaikan Perjalanan dan Pengurusan Polis Diraja Malaysia (PDRM) 2005 antara lain menyatakan 'reputasi Malaysia sebagai negara yang selamat,' terjejas teruk oleh kenaikan kadar jenayah. Sehingga ke hari ini, kes jenayah jalanan seperti ragut, samun, pecah rumah dan seluk saku terus berlaku. Fenomena tidak ada penyelesaiannya. Penjenayah jalanan semakin berani sehingga ada yang sanggup mencederakan mangsa, malah menyebabkan maut. Statistik polis menunjukkan jenayah jalanan meningkat 9.58 peratus kepada 19,343 kes sepanjang Januari hingga Jun lalu. Ia bersamaan purata hampir 110 kes sehari berbanding 17,652 kes pada tempoh sama tahun sebelumnya, cukup memberi gambaran untuk memberi gambaran mengenai tahap gejala itu.

Setakat ini, sudah banyak diperkatakan mengenai usaha membendung jenayah, tetapi kes jenayah terus juga meningkat. Ia tidak termasuk kes yang tidak dilaporkan. Ini disebabkan mangsa jenayah sendiri tidak yakin dengan keberkesanan pihak berkuasa membanteras jenayah atau menahan mereka yang terbabit dalam pelbagai bentuk perlakuan jenayah. Usaha membanteras jenayah jalanan bukan sesuatu yang mudah seperti ditonton melalui wayang atau drama, ia memerlukan pendekatan komprehensif dan komitmen semua pihak. Dalam konteks ini, langkah membendungnya tidak seharusnya terhad kepada usaha menggerakkan anggota pasukan keselamatan semata-mata. Selain mengenal pasti punca sebenar masalah itu, penggunaan teknologi juga memainkan peranan yang besar seperti memasang kamera CCTV di tempat yang berpotensi berlaku kegiatan jenayah. Pemasangan 900 kamera CCTV di kawasan sering berlaku jenayah, mungkin boleh membantu polis menyelesaikan masalah jenayah dengan cepat. Ia bukan saja memudahkan polis bertindak, tetapi lebih penting mencegah niat seseorang untuk melakukan kegiatan jenayah. Cara ini lebih berkesan, selain menempatkan lebih ramai polis atau pasukan Rela misalnya di kawasan yang strategik. Sebahagian penjenayah jalanan dilakukan warga asing. Keadaan ini menjadi punca pertambahan bilangan kes, terutama bagi mereka yang tidak mempunyai kerja akibat ditipu oleh pihak-pihak tertentu. Oleh itu, usaha menangani kebanjiran mereka yang masuk secara haram ke negara ini perlu turut ditangani. Selain itu, langkah konvensional lain perlu diberi perhatian, termasuk menambah bilangan polis dan menilai semula fungsi 570,899 anggota Rela supaya menjayakan semangat sukarela membanteras jenayah, penggemblengan kerjasama pasukan Jabatan Pertahanan Awam (JPA3), polis bantuan, Rukun Tetangga (RT) dan badan beruniform di institusi pendidikan tinggi (IPT) tempatan.